

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (PAGOH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [ PAGOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status sebenar keadaan hutang Kerajaan Persekutuan setakat ini (unjuran dari tahun 2010 sehingga tahun terkini).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 50.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK)

merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.